

11 projek naik taraf, baiki fasiliti sekolah pondok di Pulau Pinang

Bukit Mertajam: Kerajaan mengenal pasti 11 projek khas bagi naik taraf dan pembaikan kemudahan sekolah pondok di Pulau Pinang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata projek itu adalah daripada peruntukan RM200 juta yang disediakan tahun ini bagi baik pulih Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan maahad tahfiz daif di seluruh negara, termasuk Pulau Pinang.

"Kita sudah menyediakan RM150 juta tahun lalu (dan) tahun ini RM200 juta bagi perbaiki kelengkapan di sekolah agama, sekolah pondok dan maahad tahfiz di negara kita, termasuk di Pulau Pinang.

"Memang kita sudah kenal pasti 11 projek di negeri ini, tengok, kendalikan sebahagian pondok ada di sini (dan) sekolah agama," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Masjid Kubang Ulu, Penanti, semalam.

Beliau menegaskan bagi memastikan projek itu lancar, Jabatan Perdana Menteri, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) dan pihak berkaitan akan ber-

sama memantau dan memastikan setiap wang yang digunakan memberi manfaat kepada pelajar dan guru sekolah pondok.

Dalam perkembangan lanjut, beliau berkata, tidak berniat untuk mencampuri urusan pengajian agama yang sedia ada dengan mewajibkan tiga elemen penting dalam silibus pengajian pondok.

"Saya tak campur (tetapi) saya minta tambah. Saya minta mufti beri pandangan bagaimana kita boleh tambah tanpa menimbulkan keraguan dalam kalangan masyarakat.

"Saya cadangkan (belajar) Bahasa (Melayu) dan Sejarah (juga) saya cadangkan teknologi AI (kecerdasan buatan).

"Sebab apa? Kalau kita tak kuasai AI, orang yang sekular tak faham agama dan nilai, dia akan kuasai. Kita kena tahu ia macam komputer, ada berita baik dan ada berita buruk," katanya lagi.

Pada majlis berkenaan, beliau turut menandatangani plak sebagai simbolik perasmian masjid yang terletak di daerah Seberang Perai Selatan itu.



Anwar (kanan) mengadakan lawatan selepas merasmikan Seberang Perai ASPIRE Centre dan Santuni Komuniti di Majlis Bandaraya Seberang Perai, Bukit Mertajam, semalam.

(Foto BERNAMA)

Dasar transformasi digital

Sementara itu, ketika berucap pada Majlis Perasmian Seberang Perai ASPIRE Centre (SPACE) dan Santuni Komuniti di pekarangan bangunan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Anwar berkata, Malaysia perlu keluar daripada perangkap negara berpendapatan pertengahan dengan menetapkan hala tuju yang jelas ke arah ekonomi bernilai tinggi berasaskan teknologi dan digital.

Beliau berkata, asas ekonomi negara kini semakin kukuh maka momentum itu perlu disusuli dengan pelaksanaan dasar transformasi digital secara menyeluruh, termasuk pada peringkat pihak berkuasa tempatan melalu pembangunan bandar pintar.

"Apabila negara ini sudah meletakkan asas ekonomi lebih meyakinkan, ia kena disusuli dengan hala tuju jelas supaya Malaysia tidak lagi terperangkap sebagai negara pertengahan ataupun pendapatan pertengahan disebut *middle income trap*.

"Kita lihat perkembangan negara lain, ia maju, kemudian sangkut pada satu peringkat sebab itu, kita merangka beberapa dasar dalam pelan perindustrian dan transformasi digital," katanya.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan berkata, Malaysia kini muncul sebagai destinasi pelaburan utama dalam sektor teknologi tinggi, termasuk semikonduktor dan kecerdasan buatan (AI) dengan syarikat global se-

perti Infineon Technologies, Nvidia Corporation serta Google memilih negara ini sebagai pusat serantau dan pelaburan.

Beliau berkata, perkembangan itu meletakkan Malaysia pada kedudukan strategik, namun memerlukan lonjakan keupayaan modal insan melalui latihan kemahiran dan pemahiran semula bagi memastikan rakyat dapat memanfaatkan peluang yang wujud.

Terdahulu, Anwar merasmikan SPACE yang juga pusat operasi bersepadu MBSP dalam memperkukuh pengurusan bandar pintar melalui integrasi data, sistem aduan pintar, pemantauan trafik, keselamatan awam serta pengurusan perkhidmatan bandar secara masa nyata.